

## **NILAI-NILAI MELAYU DALAM PENDIDIKAN**

**Omar Md Hashim**

Persatuan Sejarah Malaysia

*Oleh kerana itu pemahaman dari hal sistem nilai dan tatasusila orang Melayu merupakan syarat untuk merancang masa depan mereka. Kajian terhadap nilai ini mungkin terbukti mengecewakan. Tetapi tanpa memahami serba sedikit tentang nilai-nilai ini, bukan sahaja mustahil untuk membentulkan pendapat-pendapat yang salah akibat tafsiran yang tidak betul, malahan rancangan-rancangan untuk memajukan orang Melayu akan gagal sebab rancangan-rancangan itu akan bertentangan dengan nilai-nilai yang sudah ditegakkan.*

- Dr. Mahathir Mohamad, *Dilema Melayu*

### **Pendahuluan**

Dari awal lagi saya mesti membuat pengakuan ikhlas bahawa menyiap kertas kerja ini merupakan satu tugas yang amat berat, pertamanya kejauhan saya dengan bahan penyelidikan terkini yang mungkin ada tetapi khasnya kerana walaupun banyak memperkatakan isu-isu orang-orang Melayu, tentang ekonominya, penderitaannya, dan kelemahan-kelemahan sehingga dieksploitasi oleh bangsa asing, tetapi tidak ada kajian menyeluruh mengenai kelemahan orang Melayu dalam pendidikan dan kaitannya dengan nilai budaya yang dianuti. Perintis awal dalam mengenengahkan permasalahan orang Melayu termasuk Munshi Abdullah, Wilkinson Winstedt, Za'ba, Barnes, Aminuddin Baki, Ungku Aziz, Dr. Mahathir Mohamad. Ada juga pemikir pendatang baru yang banyak menulis tentang hal ini seperti Asrul Zamani, Abang Yusuf Puteh dan Hasan Ahmad. Tetapi bagi saya dua tokoh yang paling fokus mengenai isu nilai dan kemajuan Melayu ialah Za'ba dan Mahathir kerana kedua-dua mereka bukan sahaja mengupas masalah tetapi juga menyaran malahan melaksanakan beberapa saranan yang dibuat.

Lantaran kesukaran mendapat sumber rujukan saya terpaksa merinjis-merinjis dari kesusasteraan Melayu klasik yang ternilai atau yang lisan seperti hikayat-hikayat lama, pantun, syair, peribahasa, nyanyian asli untuk mencari apa-apa mustika bistari yang saya garapkan sebagai petunjuk kepada nilai-nilai Melayu mengenai ilmu pengetahuan, pendidikan atau kemahiran. Saya tidak membuat apologia dengan kaedah non-saintifik ini dan saya beranikan diri meneruskannya bersandar kepada kekuatan hujah Prof. Khoo Kay Kim baru-baru ini. Katanya: apabila seseorang itu telah memanjat sekian tua maka ia harus diberi keistimewaan atau hak untuk menulis atau membuat kenyataan semata-mata berdasarkan pengalaman dan pengamatannya (*observations*) sepanjang hayat dan tidak perlulah ia meminta maaf jika kenyataannya dibuat tanpa rujukan atau catitan kaki!

### **Gambaran Pendidikan di Zaman Melayu**

Saya kira ada relevannya kita menyingkap sedikit latar belakang atau bentuk pendidikan yang terdapat di zaman sebelum kedatangan Barat dan orang asing kerana ini membantu kita memahami serta membuat kita lebih simpati mengenai perkara ini. Juga seperti masalah-masalah lain mengenai orang Melayu yang membabitkan keperluan perubahan pantas dan mendesak, peremajaan tradisi ilmu pengetahuan yang tersusun boleh dilihat sebagai satu hambatan kepada kemajuan mereka dalam pendidikan. Pertamanya pendidikan secara formal dan sekular seperti yang kita faham sekarang belum wujud sehingga akhir abad ke-19 yang bermakna sistem persekolahan amat baru bagi orang-orang Melayu. Sebetulnya tradisi sarjana (*scholarship*) seperti yang terdapat dalam masyarakat China atau India hampir tidak ada.

Pendidikan dalam masyarakat Melayu tradisional terdapat di istana dan kraton dan tertumpu khas kepada anak-anak raja dan bangsawan. Di sini mereka diajar membaca dan menulis, bahasa dan adat istiadat istana, mengaji Quran di bawah seorang alim dan juga ilmu keperwiraan seperti bersilat, memanah dan menunggang kuda. Khasnya bagi bakal raja, dia diletak di bawah asuhan Mamanda Bendahara yang mempunyai ikatan persaudaraan dengan keluarga di raja, bijaksana, berpengalaman, dikatakan lubuk akal tepian ilmu. Mereka belajar dan bermain dalam kumpulan mereka sahaja dan sudah ditanamkan idea bahawa mereka akan

menjadi pemimpin negeri. Samad Ahmad dalam bukunya *Zaman Gerhana* mengisahkan bagaimana Tun Besar, anak Tun Perak diberi latihan dan asuhan yang cukup dan sempurna, termasuk ilmu pengetahuan, agama, serta ilmu mempertahankan diri serta sukan dari kecil-kecil lagi dan rakan-rakan sepermainannya dipilih khas di kalangan anak-anak orang baik-baik. Dalam Syair *Siti Zubaidah Perang China* kita dikisahkan bagaimana Sultan Kembayat Negara (dikenal pasti sebagai Melayu Champa) mengasuh dan memberi pelajaran kepada anaknya bakal Sultan Zainal Abidin. Untuk teman sepermainan “untuk jadi kapit anakanda” baginda memilih empat orang kanak-kanak yang sebaya, seorang anak menteri, dua orang anak hakim dan seorang anak khatib. Sejak kecil mereka berlima adalah teman sepermainan (“bermain tombak melarikan kuda”), sepengajian dalam ilmu agama (“kitab, dan Quran sudah ketahuan”) dan seperguruan dalam ilmu kepahlawanan (“Permainan laki-laki dipelajarikan”).

Bagi rakyat biasa, pendidikan adalah menerusi on the job di bawah kelolaan seorang dewasa atau ahli. Demikian juga kesempatan mempelajari membuat perahu atau bertukang rumah, membuat jala atau sangkar untuk burung, ikan, memburu, belajar pandai besi, memikat atau ilmu bomoh atau ubat-ubatan. Tidak ada soal mempelajari sesuatu ilmu atau kemahiran secara sendiri (*self education*) dalam sistem Melayu. Semua mesti ada jurulatihnya. Beberapa tulisan seperti kitab Tib dan petua membuat rumah bukan buku untuk murid tetapi teks untuk jurulatih. Boleh jadi ini disebabkan tidak adanya manual seperti yang dihasilkan oleh mahaguru Confucius yang menerusi tulisan-tulisan dan *Analects* dapat diperturun ilmu dan ajaran yang boleh bertahan 2000 tahun. Oleh itu, peranan guru atau pengajar yang diperteguhkan lagi oleh tradisi Islam amat penting sekali. “*Orang yang berguru dengan orang yang meniru itu terlalu jauh bezanya*”, kata Munsyi Abdullah. Kelemahan besar tradisi menyampaikan ilmu dan kemahiran menerusi lisan ialah banyak daripada pengetahuan serta kaedahnya kian berkurangan bila diperturunkan. Dan ini diburukkan lagi oleh tabiat para guru enggan menurunkan keseluruhan ilmu dan kepakarannya kepada murid kerana takut keunggulannya terancam.

Islam membawa pembaharuan dalam sikap orang Melayu terhadap ilmu. Agama Hindu-Buddha menganggap ilmu itu sakral dan yang hak menuntutnya

cuma pedanda dan segelintir khas. Islam mendemokrasikan ilmu untuk semua lapisan rakyat dan raja. Islam mengajar bahawa ilmu itu penting sebagai jalan mengenal Penciptanya dan memperbaiki kehidupan di dunia. Islam memperkenal tulisan Jawi dan membuka dunia pembudayaan yang lebih besar dan kaya dengan pengaruh-pengaruh budaya Islam, India, Parsi dan Arab ke seantero dunia. Melaka sebagai pusat penyebar Islam yang dinamik di Nusantara dan melambangkan kegigihan mendalaminya ilmu agama. Kita baca dalam *Sejarah Melayu* bahawa Sultan Mahmud bersusah payah menghantar misi khas diketuai Orang Kaya Tun Muhammad meminta penjelasan sesuatu hal mengenai ilmu tauhid daripada ulama Istana Pasai. Melaka juga menjadi pusat ilmu pengetahuan dan kesusteraan yang menyemarak. Terdapat ramai khalayak atau audien sastera Melayu dalam masyarakat. Bagi karya bertulis, raja dan kaum kerabat serta isi istana adalah khalayaknya. Banyak hikayat dan syair dikarang, atau disadur, disimpan dan dibaca oleh orang dalam istana. Tetapi yang lebih menarik ialah khalayak buta huruf terdiri dari rakyat jelata yang lebih ramai, menikmati sastera menerusi lisan. Pembacaan satu-satu teks hikayat atau syair yang dilakukan oleh pembaca pada malam hari merupakan satu pesta sosial dan ilmu yang penuh bermakna dalam masyarakat lama. Pembacaan hikayat perang dijadikan peransang mengukuhkan semangat keberanian dan keperwiraan. Misalnya, seperti kita dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*, malam sebelum pelanggaran Feringgi, pejuang-pejuang Melayu meluangkan masa membaca *Hikayat Muhammad Hanafiah*.

Maka itu tradisi budaya agama Islam lebih awal wujud dan mantap daripada persekolahan sekular. Selain “sekolah-sekolah Qur'an” yang ada disebut oleh Abdullah Munsyi, di seluruh alam Melayu terdapat Tuan Haji dan lebai mengajar anak-anak di rumah, di surau dan masjid. Institusi lebai sudah wujud lama sebagaimana kita diingatkan tentang kisah Mak Andih menyuruh Pak Pandir menjemput Pak Lebai untuk kenduri arwah kematian anaknya. Sistem sekolah pondok sudah pun ada dalam kurun ke-18 di masjid, “murid-murid” adalah orang dewasa (kebanyakan perempuan); Tok Guru bersila menghadapi murid-murid dan berpandukan kitab, beliau akan bersyarah mengenai ilmu tafsir atau tauhid. Murid tidak mempunyai kitab, tidak juga buku rampaian, kerana tidak perlu mencatit dan bebas memula dan menamatkan pengajian bila-bila masa sahaja, sedangkan guru

juga bebas meneruskan “sukatan pelajaran” tanpa diganggu oleh “murid baru” atau keperluan membuat penilaian sama ada ajarannya berkesan atau tidak. Tidak ada bayaran yang perlu diberikan kerana semua dianggap sebagai fardhu kifayah orang yang berilmu menyebarkan pengetahuannya. Urusan yang bersengaja fleksibel dan senang tanpa peraturan yang ketat amat sesuai bagi jiwa orang Melayu. Pengaruh pengajaran seperti ini saya kira menebal dalam tatatertib dan kelakuan orang Melayu sehingga sekarang. Lihat sahaja bagaimana mereka taat menghadapi kuliah atau syarahan (termasuk politik), tertib dan tenteram, kerana mereka tidak payah memberi konsentrasi, tidak payah memahami secara mendalam kerana tidak ada soal menyoal, dan mereka bebas membenarkan akal fikiran menerawang. Orang Melayu tidak suka peraturan-peraturan yang ketat yang menyeksa diri atau otaknya.

Sekali-sekali dalam keadaan luar biasa rakyat biasa boleh meningkat menjadi orang besar menerusi kepandaian tertentu. Demikian kita lihat Hang Tuah, anak seorang pekedai bijak, lincah, berani dan taat selepas mempelajari berbagai-bagai bahasa dan menjalankan pertapaan mengenai ilmu batin dan keperwiraan, telah diberi pangkat dan darjah dan menyumbang khidmat yang cemerlang kepada Sultan Melaka. Isma Yatim mendapat kurnia dan jawatan tinggi selepas “berbuat kebaktian” kepada raja, mengarang buku mengenai pemerintahan negeri. Oleh itu kita lihat ada secara terhad *social mobility* dalam sistem lama menerusi kecekapan dalam ilmu pengetahuan atau kepakaran. Di samping itu *social mobility* boleh juga berlaku melalui kekayaan atau ketinggian ilmu agama seperti terbukti dalam sejarah bagaimana saudagar-saudagar Keling yang kaya dan makhdum-makhdum Arab menjadi berpengaruh dalam politik istana Melayu.

Sebetulnya jika dihalusi, sistem dualisme dalam pendidikan orang Melayu ini diteruskan oleh pihak British apabila mereka menjajah – satu untuk raja-raja dan bangsawan dan satu lagi untuk rakyat biasa. Contoh yang paling nyata sekali ialah penubuhan *Malay College* (untuk raja dan bangsawan) dan sekolah-sekolah Melayu/*Sultan Idris Training College* untuk rakyat biasa. Kesan-kesan daripada dasar ini masih kukuh dibayangi dalam sistem pendidikan nasional kita di manapun. Selain sekolah-sekolah biasa yang banyak dibangunkan terdapat institusi-institusi yang mengamalkan elitisme dan kecemerlangan untuk anak-anak Melayu

yang berpotensi seperti dicontohi oleh Sekolah-Sekolah Asrama Penuh, Sekolah Sains dan Sekolah Bistari.

### **Peringkat-Peringkat Penting Dalam Pendidikan Orang Melayu**

Saya rasa amat penting kita menyingkap sedikit beberapa peristiwa pada zaman moden yang mempunyai impak besar pada pendidikan orang Melayu.

Pertamanya, pembukaan sekolah Melayu yang merupakan sentuhan awal peradaban Melayu dengan kemodenan. Ia melahirkan satu golongan makhluk yang *versatile* dan progresif memainkan peranan sebagai “broker” budaya dalam masyarakat yang pengaruh feudalnya amat menebal. Laksana Si Celik menjadi raja di kalangan Si Buta, guru-guru Melayu memainkan peranan besar sebagai perintis jalan dalam berbagai-bagai kegiatan pembangunan masyarakat. Mereka lah yang mula-mula menanam bibit-bibit kepentingan boleh membaca, menulis dan mengira, juga peri mustahaknya kebersihan dan kesihatan serta amalan memakan makanan berzat. Guru-guru Melayu jugalah yang mula-mula cuba menanam tabiat berjimat cermat menerusi koperasi, membasmikan pemborosan yang banyak diamalkan oleh orang Melayu. Mereka juga mengajar masyarakat Melayu menerusi tauladan sendiri cara berorganisasi dalam badan sosial dan politik, dan menyemarakkan perasaan nasionalisme di tahap akar umbi dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Dari segi kebaikan pada peringkat awal ini, kemunculan sekolah Melayu sebagai satu institusi moden dan jasa-jasa para guru Melayu memanglah banyak. Tetapi malangnya walaupun British membangunkan banyak sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu, tetapi dasar mereka tidak lebih dari melepas batuk di tangga sahaja. Tidak ada usaha untuk meningkatkan kualiti isi pengajiannya mahupun untuk menaikkan tarafnya. Oleh itu selama hampir 150 tahun sekolah-sekolah Melayu terbiar dalam kedudukan hidup segan mati tak mahu. Malahan orang-orang Melayu sendiri sudah putus asa dan tidak mempunyai keyakinan lagi padanya. Za’ba pada tahun 1917 lagi telah merintih tentang kedhaifan ini dan mendesak sekolah Melayu diberi layanan yang sama seperti sekolah Inggeris dan dinaikkan taraf ke sekolah menengah. Idea Za’ba tentang pendidikan kepada orang Melayu mestilah ianya komprehensif, akademik dan praktikal. Teras utama ialah adunan bijak kedua-dua ilmu dunia dan akhirat, dan bahasa Melayu dan agama Islam

mendapat keutamaan dalam kurikulum. Impian besarnya bagi pendidikan orang Melayu ialah penubuhan *satu atau dua madrasah besar* yang membekalkan kursus-kursus moden dan menggunakan bahasa Melayu, Inggeris dan Arab sebagai pengantar. Kemajuan Universiti Kolej Aligarh di India yang dipelopori Sir Syed Ahmad Khan barang tentu mempengaruhi Za'ba. Oleh itu selain daripada jasa-jasanya yang banyak sebagai pelopor dan pendeta Melayu terulung, Za'ba wajar diiktiraf sebagai pencetus terawal gagasan Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Kebangsaan yang kita ada sekarang. Bezanya, Za'ba mahukan universiti-universitinya itu dikhaskan cuma untuk anak-anak Melayu/Islam sahaja. Idea Za'ba tentang universiti eksklusif untuk orang Melayu ini saya gembira melihat masih hidup. Kongres Sains dan Teknologi Melayu Kedua baru-baru ini mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan satu Institusi Pengajian Tinggi khas yang dinamakan Universiti Melayu Antara Bangsa (UMA) dalam usaha menambah jumlah saintis Melayu di negara ini.

Peristiwa kedua ialah fenomena pertambahan ramai anak-anak Melayu mendaftar belajar di sekolah awal selepas perang. Keghairahan ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak ke sekolah yang sekarang sudah menjadi sesak dan terpaksa mengadakan sesi petang menghairrankan pentadbir Inggeris. Yang lebih menghairrankan ialah peningkatan kemasukan yang begitu ramai murid-murid perempuan yang seolah-olah sekarang bebas dari kongkongan dan tabu pemikiran kolot ibu bapa Melayu.

Fenomena ini sebetulnya ada kaitan dengan kebangkitan semangat nasionalisme Melayu yang sedang marak bertiup, selepas kemenangan UMNO menghancurkan Malayan Union, dan orang-orang Melayu berasa begitu gagah, dan sekarang mula sedar betapa pentingnya pendidikan yang baik dan bermutu sebagai penyelamat serta penjamin menebus maruah dan masa depan anak-anak mereka. Bagi saya peringkat ini juga penting kerana ia menandakan kesedaran pendidikan yang dijanakan perasaan nasionalisme dan lebih penting ia dapat dijadikan sebagai mercu tanda bahawa di sinilah permulaan detik emansipasi wanita Melayu melalui persekolahan, yang sekarang ini sudah mencapai kejayaan yang besar dan membanggakan. Orang Melayu mampu bertindak bijak dan positif apabila agama atau maruahnya terancam atau mereka berhadapan dengan krisis besar yang mencabar *survivalnya* atau ketuanannya.

Peristiwa ketiga bagi saya ialah sinar baru yang dibawa oleh Laporan Razak (1956) dan khususnya pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta penubuhan persekolahan menengah Melayu yang lama diperjuangkan oleh guru-guru Melayu dan para nasionalis seperti Za'ba dan Aminuddin Baki. Pendidikan dalam pengantar Melayu merupakan satu suntikan ubat kuat yang hebat kepada *psyche* dan keyakinan orang Melayu. Bahasa Melayu diberi kesempatan berkembang dan peranan yang amat strategik telah dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melahirkan satu zaman *renaissance* apabila bahasa Melayu dimartabatkan sebagai alat ilmu pengetahuan sains dan teknologi. Sekolah Menengah Melayu pernah saya sebut sebagai satu *konsep baru* yang membuka satu *new frontier* kepada generasi bangsa Melayu baru berlumba-lumba merebut peluang menuntut ilmu pengetahuan dalam bahasa sendiri dengan hati nurani yang sempurna dan serasi. Alhamdulillah, berkat usaha semua pihak, pendekatan ini telah berjaya besar menghasilkan beribu-ribu cerdik pandai, doktor, peguam, para saintis dan pensyarah di universiti. Mengikut satu laporan, sekarang ini hampir 80% daripada saintis dalam bidang sains darat, udara dan marin adalah terdiri dari anak-anak Melayu. Saya kira adalah satu teka-teki kebarangkalian memikirkan apakah mungkin kejayaan ini berlaku jika Dasar Bahasa Kebangsaan ini tidak dinobatkan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah dan universiti, dan apakah bangsa Melayu akan dapat memberi respons yang begitu positif untuk merebut peluang jika bahasa pengantar persekolahan dan universiti kekal dalam bahasa Inggeris.

Peringkat empat dan terakhir yang mempunyai pengaruh besar dalam kemajuan pendidikan orang Melayu ialah kemunculan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990). DEB bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia, khasnya Melayu, dan menyusun semula masyarakat supaya ketimpangan peluang dan kekayaan negara dapat diimbangi dan diagihkan secara lebih adil dan saksama. Strategi DEB bergantung besar kepada kejayaan sistem pendidikan yang efektif. Di sini tindakan afirmatif untuk bangsa Melayu memainkan peranan amat penting dan berhasil. Wang dan peluang dibuka luas untuk bumiputera; sekolah yang baik termasuk sekolah berasrama penuh dibangunkan di luar bandar untuk menampung keperluan yang mendesak. Sesuai

dengan perakuan-perakuan dalam *Laporan Keciciran Murad Md. Noor* (1973), bermacam-macam program sokongan telah juga diperkenal untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan pelajar desa, antaranya program kesihatan, pemakanan, bantuan biasiswa, skim buku teks percuma dan sebagainya. Peluang pendidikan tinggi diperbesar dengan terdirinya banyak universiti-universiti baru termasuk penyumbang baru yang amat produktif dan berkesan, iaitu Institut Teknologi Mara. Kuota tertentu untuk pelajar-pelajar Melayu memasuki universiti memungkinkan ramai anak watan, menikmati pendidikan di menara gading dan juga mendapat kesempatan meningkat tangga *social mobility* sedangkan ini tidak termimpi oleh mereka dahulu. Selain universiti tempatan ribuan pelajar-pelajar Melayu yang cemerlang pencapaiannya dihantar belajar di institusi-institusi pengajian tinggi dalam berbagai-bagai bidang ke United Kingdom, Amerika, Australia, New Zealand, Eropah dan Timur Tengah. Kejayaan DEB dalam pendidikan orang-orang Melayu tidak dapat dinafikan lagi. Peningkatan anak-anak Melayu dalam bidang profesional dapat dilihat dalam angka-angka bandingan yang diperturunkan di antara 1980 – 2002. Angka kejayaan ini memberi dorongan yang besar kepada semangat “*Melayu Boleh*” dan memungkinkan orang Melayu menyertai aktiviti-aktiviti sektor ekonomi moden yang dahulunya tertutup, secara lebih berkesan dan yakin.

#### **Peningkatan Jumlah Profesional Bumiputera dari 1980 hingga 2002**

<b>PROFESION</b>	<b>TAHUN / PERATUS</b>			
	<b>1980</b>	<b>%</b>	<b>2002</b>	<b>%</b>
Doktor	341	10%	4,969	39%
Arkitek	57	11%	1,337	43%
Akauntan	120	8%	3,093	18%
Jurutera	1,533	19%	16,773	44%
Peguam	173	15%	3,442	34%
Jurunilai	130	32%	1,164	50%
Pakar Bedah Haiwan	63	19%	447	41%
Doktor Gigi	117	11%	851	39%

Program-program DEB dalam pendidikan berjaya menyelesaikan hampir semua saranan pejuang-pejuang pendidikan bagi bangsa Melayu. Pemodenan, pembaharuan serta menaikkan taraf sistem pendidikan seperti yang dicadangkan oleh Za'ba, kemudahan kepada kelengkapan serta kenaikan taraf guru oleh Aminuddin Baki, diselesaikan dengan agak memuaskan. Program-program sokongan untuk membantu pembelajaran seperti saranan Murad Md. Noor juga mendapat perhatian istimewa. Pendapat Ungku Aziz bahawa amalan pemakanan khasnya, kekurangan protein punca kelemahan anak Melayu, juga soal serangan cacing kerawit adalah antara sebab musabab yang melemahkan daya belajar anak-anak Melayu kampung, seperti yang diketengahkan oleh Dr. Ungku Omar, juga telah diberi penyelesaian. Cuma anjuran besar Barnes mengenai pentingnya memperbaiki sistem keluarga dan suasana pembelajaran dalam rumah tangga orang Melayu tidak terjawab baik. Juga gesaan Dr. Mahathir supaya "*membuka minda*" untuk mengenali ajaran Islam yang sebenar, menimba intipati yang mulia dan progresif untuk mengejar kedua-dua dunia dan akhirat, belum dapat ditangani sehingga waktu ini.

Walaupun secara sepantas lalu rancangan-rancangan pendidikan menerusi DEB mencapai banyak kejayaan, tetapi jika dikaji secara mendalam ia melahirkan beberapa natijah negatif di kalangan pelajar Melayu. Seperkara yang paling ketara, seperti juga dalam ekonomi keseluruhannya, ia mewujudkan sifat atau sikap sindrom yang amat bergantung kepada kerajaan untuk segala-galanya dan ini menggagalkan tujuan asal, iaitu memperkuuh keupayaan berdikari. Kelemahan kedua ialah rata-rata prestasi dan lulusan anak-anak Melayu terdapat pada tahap *mediocre* dan ini bertentangan dengan harapan supaya mereka bersungguh-sungguh bersaing mencapai kecemerlangan. Lebih tinggi peratus mendapat gred III dan II dalam SPM tahun demi tahun.

Saya ada membuat sedikit kajian semasa berada di Lembaga Peperiksaan dahulu mengenai pencapaian calon bumiputera sebagai bandingan dengan bukan bumiputera dalam peperiksaan SPM 1980 – 1982. Antara dapatannya ialah purata nisbah gred lulus bagi calon bumiputera membayangkan mutu pencapaian yang lebih rendah berbanding dengan calon bukan bumiputera. Nisbah gred lulus pada gred 1 dan 2 bagi calon bukan bumiputera hampir dua kali ganda daripada calon

bumiputera. Pada Gred 3 pula nisbah bagi calon bukan bumiputera hanya satu pertiga sahaja daripada calon bumiputera. Ini menunjukkan lebih ramai calon bumiputera berkelompok pada gred 3. Pada keseluruhan pencapaian calon bumiputera dalam hampir semua mata pelajaran utama melainkan Bahasa Malaysia, Sejarah dan Lukisan adalah lebih rendah daripada pencapaian calon bukan bumiputera. Umumnya jika pencapaian nasional turun, kejatuhan bagi calon bumiputera adalah lebih besar daripada kesan ke atas calon bukan bumiputera. Sebaliknya jika peratus nasional naik, peningkatan pencapaian calon bumiputera tidak setinggi peningkatan calon bukan bumiputera, bahkan ada masanya pencapaian calon bumiputera merosot.

Jika kita rajin menghadiri upacara konvokesyen universiti-universiti tempatan kita selalu pulang dengan perasaan sayu dan lemah semangat kerana terdapat lebih ramai siswazah Melayu memperolehi kelas II Rendah atau III dan amat sedikit sekali kelas pertama (Lihat rajah pencapaian ijazah kelas pertama untuk 3 universiti) bagi bumiputera dan bukan bumiputera, 1994 – 1999.

#### Pencapaian Ijazah Kelas Pertama 1994-1999

Tahun	Bumiputera			Bukan Bumiputera		
	Universiti Malaya	Universiti Teknologi Malaysia	Universiti Utara Malaysia	Universiti Malaya	Universiti Teknologi Malaysia	Universiti Utara
1994	29	3	0	106	45	17
1995	34	1	1	118	44	14
1996	38	1	0	164	36	39
1997	46	6	0	190	32	50
1998	72	10	1	232	49	16
1999	96	7	0	259	96	1

Untuk melihat masalah ini dengan lebih jujur, kita harus melihat setakat mana budaya dan sistem nilai orang Melayu mengenai pendidikan menjadi pembantu atau hambatan kepada kemajuan pembelajaran anak-anak Melayu.

### **Beberapa Nilai Pendidikan Melayu yang Pokok**

Buah betik di dalam perahu  
Enak dimakan di hari petang  
Hidup di dunia kalau berilmu  
Jadi sanjungan setiap orang

Za'ba, Mahathir, Azrul Zamani dan Abang Yusuf Puteh telah membicarakan budaya Melayu secara am menyentuh sikap hidup, perniagaan, ekonomi, minda dan ideal mereka.

Usman Awang dalam sajaknya “*Melayu*” (1997) memberi satu analisis profil yang padat, jitu dan tajam serta indah mengenai etos Melayu yang saya kira sukar ditandingi oleh pemikir lain. Saya perturunkan beberapa rangkap yang menarik:

*Melayu itu orang yang bijaksana,  
Nakalnya bersulam jenaka  
Budi bahasanya tidak terkira  
Kurang ajarnya tetap santun  
Jika menipu pun masih bersopan  
Bila mengampu bijak beralas tangan.*

*Melayu itu berani jika bersalah  
Kecut takut kerana benar  
Janji simpan di perut  
Selalu pecah di mulut  
Biar mati adat  
Jangan mati anak.*

*Melayu itu kaya falsafahnya  
Kias kata bidal pusaka  
Akar budi bersulamkan daya  
Gedung akal laut bicara  
Malangnya Melayu itu kuat bersorak  
Terlalu ghairah pesta temasya  
Sedangkan kampung telah tergadai  
Sawah sejalur tinggal sejengkal  
Tanah sebidang mudah terjual.*

*Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan  
Segala yang ada sanggup diberikan.*

Saya akan memilih beberapa nilai budaya am Melayu dan cuba melihat bagaimana ia meresapi dan menjadi nilai pendidikan dan mempengaruhi prestasi dan amalan pembelajaran orang-orang Melayu.

### **Melayu Tahu Menghargai Pengetahuan**

Pertama sekali harus disedari bahawa orang-orang Melayu pada zahirnya menghargai ilmu pengetahuan dan pendidikan. Jika tidak, bagaimana kita dapat memahami sejak beratus tahun ramai ibu bapa bersusah payah mencari duit mengirim anak-anak untuk menuntut di Mekah atau Mesir selama beberapa tahun. Pelajar-pelajar Melayu rajin pergi sekolah berjalan berbatu-batu; kadar kedatangan selalu amat tinggi walaupun prestasi rendah. Banyak terdapat nilai-nilai pendidikan ini dalam pepatah atau ungkapan “*Penuhkan ilmu di dada*”, selalu dinasihati anak-anak muda yang menuntut, dan ini menarik hati sekali kerana orang Melayu mengenal pasti dada atau hati sebagai gedung ilmu dan bukan otak di kepala.

Kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan terpancar dalam peribahasa-peribahasa seperti “*Kurang budi teraba-raba, tidak ilmu suluh padam*”, atau “*Si Bodoh makan Si Cerdik*”, atau “*Belum tumbuh gigi sudah pandai membaca kitab*”. Orang-orang Melayu juga faham bahawa proses menimba ilmu adalah lama, setapak demi setapak mengikut tertib, dan undang-undangnya, misalnya, “*Berlunjur dahulu sebelum merangkak, merangkak dahulu sebelum berlari*”, atau “*Dari kapas menjadi benang, dari benang menjadi kain*”. Ilmu ini sukar diperolehi tanpa pengorbanan dan usaha yang gigih dilihat dalam “*Jika tidak pecah ruyung, manakan dapat sagunya*”, dan “*Hulu parang jika diasah pun, akan tajam juga*”.

Orang-orang Melayu mahu anak-anak mereka apabila besar menjadi “*orang pandai*” dan “*orang yang berguna*”. Orang berguna di sini boleh ditafsirkan berguna kepada diri sendiri, kepada ibu bapa, masyarakat dan agamanya. Dalam hal ini, kepentingan ramai lebih diutamakan daripada kepentingan diri sendiri. Berkaitan dengan ini ialah konsep “*budi*” dalam budaya Melayu – “*Makan budi*”, “*Hutang budi dibawa mati*” adalah nilai-nilai amat penting dalam kehidupan. Tanggungjawab yang paling besar seseorang itu ialah berbuat budi, menanam bakti dan menyumbang

terhadap kemajuan kaumnya. Seseorang yang tidak berbudi ialah umpama pokok yang tidak berbuah, hidup sia-sia dan tidak mempunyai hasil. Buku-buku roman sebelum Perang Dunia Kedua banyak menceritakan anak-anak Melayu miskin yang berjaya dalam pelajaran dan kehidupan menabur bakti kepada bangsanya, seperti dalam buku karangan Suhaimi Ismail, *Si Miskin Membuat Jasa* (1941) yang banyak memberi inspirasi kepada saya. Orang seperti ini disebut *budiman*, iaitu merangkumi semua yang ideal untuk manusia Melayu – berilmu, berhemah tinggi, berbudi pekerti baik dan dapat memimpin dan menyumbang kepada pembangunan masyarakatnya. Saya kurang pasti adakah konsep “*the virtuous man*” dalam ajaran Confucius mempunyai persamaan dengan tanggapan orang Melayu mengenai sifat ketinggian budi dan ilmu seperti yang terdapat dalam pantun :

Apakah tanda batang tebu  
Batang tebu halus uratnya  
Apakah tanda orang berilmu  
Orang berilmu halus budinya

### Konsep Masa

Mengikut Dr. Mahathir kegagalan orang Melayu untuk menghargai masa merupakan salah satu sebab halangan yang paling penting untuk mereka mencapai kemajuan. Kita harus melihat nilai ini dalam konteks perlakuan pembelajaran anak-anak Melayu. Manusia Melayu mempunyai sistem ukuran masa harian bagi mengurus kehidupan mereka secara tradisional. Kita mulakan dengan *dinihari* (tengah malam), *embun menitik/ayam berk Kokok* bersamaan dengan masuk subuh, *fajar menyinsing* atau *ayam turun ke tanah* bersamaan tamatnya subuh dan mula pagi; *matahari segalah*, bersamaan 8 – 9 pagi, *rembang/matahari di ubun-ubun*, *matahari dah tergelincir* (zuhur), *matahari condong* (asar), *senjakala* atau *ayam dah masuk seron* atau *remang-remang* (maghrib) dan *malam* (isyak). Pembahagian masa yang didasarkan kepada pergerakan matahari dan peri tabiat ayam adalah menarik dan mencukupi bagi masyarakat Melayu lama di kampung-kampung, tetapi nyatalah sekali tidak sesuai lagi kerana perhitungannya longgar dan tidak tepat. Orang Melayu mudah membahasakannya dalam ungkapan *lebih kurang*. Pada zaman moden kehidupan direncanakan oleh masa dan mereka yang pandai

menjadualkan dan mencatu masa sahaja akan berjaya. Masa itu emas dan Prof. Ungku Aziz seorang yang kuat bekerja pernah berkata, “*If you can buy time, buy it*”.

Melayu tidak menghargai masa. Di masa lampau masa disia-sikan dengan beromong kosong berkumpulan, berangan-angan melengung keseorangan, bersantai, bersuka-suka, minum-minum dengan tidak membuat sesuatu kerja yang munafaat. Temu janji tidak pernah yang tepat sehingga dikenal sebagai *jam Melayu* dan *jam karet*. Kenduri ditetapkan dengan *lepas maghrib*, *lepas zuhur* dan jemputan boleh datang dan balik pada bila-bila masa sahaja.

Nilai masa orang Melayu mempunyai impak yang besar dalam pendidikan. Banyak masa dibazirkan dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah. Kurang ada usaha untuk merancang masa dan melaksanakan kerja-kerja persekolahan. Mentelaah secara sungguh-sungguh dibuat di saat-saat yang akhir. Tiap kali ada niat untuk belajar, ada sahaja sebab dan helah supaya niat murni ditangguhkan. Sifat menangguh kerja ini merupakan kelemahan yang amat besar. Ini diburukkan lagi oleh pengaruh dan godaan rakan yang tidak cermat dipilihnya yang mempunyai sikap sehaluan. Pelajar-pelajar Melayu pada amnya tidak sedar bahawa masa untuk belajar, mentelaah secara tekun dan serius bagi manusia amat pendek. Sesudah memasuki medan kerja dan meninggalkan zaman belajar, sudah susah untuk konsentrasi, kerana fikiran sudah mulai kacau oleh naluri-naluri hendak kahwin, menjaga ibu bapa dan mendirikan rumah tangga. Juga harus diingat bahawa masa muda ialah masa yang paling sesuai kerana minda dan badan 100% sihat – fikiran cerah tanpa tanggungjawab dan semua pancaindera beroperasi pada tahap optimum. Kebulatan dan intensiti fokus dalam kerja itu penting kerana rajin sebagai satu rutin lahiriah tidak begitu bermakna.

Ada suatu teori yang disebut *time on task* yang bermakna lamanya seseorang itu belajar dan mentelaah tidak begitu penting, yang lebih penting dan bermakna ialah konsentrasi minda menghadapi tugas. Serupa dengan gambaran ramai pelajar Melayu suka pergi sekolah tetapi tidak suka belajar. Ramai pelajar-pelajar bumiputera terlalu suka berangan-angan, walaupun menghadapi buku, oleh itu membazir banyak masa dan tenaga dan mensia-sikan peluang keemasan semata-mata. Dalam keadaan sedemikian sukar bagi anak-anak Melayu mencapai

Dalam pada itu, ini tidak bermakna pelajar-pelajar Melayu ini tidak mampu mencapai kejayaan akademik. Tetapi tahap kemahuannya itu rendah, sepatah kata ungkapan sial yang selalu di bibir mereka: *cukup makan jadilah*. Yang lebih penting diutamakan ialah bagaimana muncurah sedikit usaha yang ringkas dan mendapat untung yang banyak. Kata Dato Dr. Mazlan Othman, Pengarah AAN:

*Orang Melayu suka mencari jalan mudah dan mengharapkan ganjaran atau insentif dalam bentuk kewangan. Sedangkan ganjaran yang utama yang lebih penting ialah memperkayakan diri sendiri, minda dan jiwa dengan ilmu.*

Selain daripada itu kerana inginkan kejayaan dengan tidak banyak usaha dan kudrat, ramai pelajar-pelajar meminjam nota-nota rakan, mencedok karangan orang lain, atau lebih buruk lagi meniru dalam dewan peperiksaan. Dalam peperiksaan umum, mengikut pengalaman saya, dukacita saya sebut banyak ketidakhadiran dan penipuan melibatkan anak-anak Melayu sendiri.

Sikap ambil senang ini sebahagiannya dibajai oleh kemudahan dalam keistimewaan-keistimewaan yang diberi oleh kerajaan untuk memperluaskan peluang Melayu dalam pendidikan dan pekerjaan. Ada banyaknya biasiswa untuk membantu anak-anak miskin, kemudahan-kemudahan persekolahan berasrama dalam kuota-kuota untuk jawatan kerajaan dan lain-lain telah membawa banyak manfaat dan kemajuan kepada orang Melayu. Tetapi natijah buruknya ialah timbulnya sikap bahawa anak-anak Melayu tidak perlu bekerja terlalu kuat atau mendapat gred terlalu tinggi untuk melayakkan mereka mendapat tempat atau pekerjaan kerajaan kerana kerajaan terus menyediakan “*tongkat sakti*” kepada mereka bila-bila masa sahaja.

### Ketiadaan Ketegasan Dalam Apa-Apa Tugasan atau Cita-Cita

Orang Melayu tidak suka terikat dengan peraturan-peraturan yang ketat. Biasanya mereka tidak mahu membuat keputusan-keputusan yang berat dan muktamad, dalam kalau dibuat pun akan cuba melepas diri dari komitmen. Kelemahan orang Melayu dalam ketegasan dan pegangan hidup atau mencari “*dalih*” tidak mahu buat keputusan ini disebut *ondor rarat* oleh orang Melayu Sarawak. Dato’ Abang Yusof Puteh membuat satu contoh sikap dengan sebuah perahu yang berlabuh di dalam sungai yang deras; dioleng terumbang-ambing, meronta, berpusu-pusu; kemudian

menjadualkan dan mencatu masa sahaja akan berjaya. Masa itu emas dan Prof. Ungku Aziz seorang yang kuat bekerja pernah berkata, “*If you can buy time, buy it*”.

Melayu tidak menghargai masa. Di masa lampau masa disia-siakan dengan beromong kosong berkumpulan, berangan-angan melengung keseorangan, bersantai, bersuka-suka, minum-minum dengan tidak membuat sesuatu kerja yang munafaat. Temu janji tidak pernah yang tepat sehingga dikenal sebagai *jam Melayu* dan *jam karet*. Kenduri ditetapkan dengan *lepas maghrib*, *lepas zuhur* dan jemputan boleh datang dan balik pada bila-bila masa sahaja.

Nilai masa orang Melayu mempunyai impak yang besar dalam pendidikan. Banyak masa dibazirkan dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah. Kurang ada usaha untuk merancang masa dan melaksanakan kerja-kerja persekolahan. Mentelaah secara sungguh-sungguh dibuat di saat-saat yang akhir. Tiap kali ada niat untuk belajar, ada sahaja sebab dan helah supaya niat murni ditangguhkan. Sifat menangguh kerja ini merupakan kelemahan yang amat besar. Ini diburukkan lagi oleh pengaruh dan godaan rakan yang tidak cermat dipilihnya yang mempunyai sikap sehaluan. Pelajar-pelajar Melayu pada amnya tidak sedar bahawa masa untuk belajar, mentelaah secara tekun dan serius bagi manusia amat pendek. Sesudah memasuki medan kerja dan meninggalkan zaman belajar, sudah susah untuk konsentrasi, kerana fikiran sudah mulai kacau oleh naluri-naluri hendak kahwin, menjaga ibu bapa dan mendirikan rumah tangga. Juga harus diingat bahawa masa muda ialah masa yang paling sesuai kerana minda dan badan 100% sihat – fikiran cerah tanpa tanggungjawab dan semua pancaindera beroperasi pada tahap optimum. Kebulatan dan intensiti fokus dalam kerja itu penting kerana rajin sebagai satu rutin lahiriah tidak begitu bermakna.

Ada suatu teori yang disebut *time on task* yang bermakna lamanya seseorang itu belajar dan mentelaah tidak begitu penting, yang lebih penting dan bermakna ialah konsentrasi minda menghadapi tugas. Serupa dengan gambaran ramai pelajar Melayu suka pergi sekolah tetapi tidak suka belajar. Ramai pelajar-pelajar bumiputera terlalu suka berangan-angan, walaupun menghadapi buku, oleh itu membazir banyak masa dan tenaga dan mensia-siakan peluang keemasan semata-mata. Dalam keadaan sedemikian sukar bagi anak-anak Melayu mencapai

kecemerlangan dalam pelajaran. Mereka terpaksa berpuas hati dengan prestasi rendah dan sederhana dan ini adalah setimpal dengan usaha dan masa yang dilabur untuk persiapan pelajaran. Sebilangan kecil yang berjaya adalah mereka yang sanggup bekerja keras dengan penuh ghairah, pandai pilih kawan bergaul, berdisiplin dan rela mengorbankan segala keseronokan yang biasanya menjadi runtunan sebahagian besar rakan-rakannya.

### **Sikap Tak Kesah atau Senang Ambil Mudah**

Dunia Melayu pada zaman lampau adalah dunia idealik dan senang. Rezeki di keliling rumah: pucuk kayu, ubi, ayam itik, beras huma, dan ikan di kolam. Khazanah hutan atau rimba kepunyaan siapa sahaja yang rajin mencari, ikan laut dan sungai milik semua. Dalam keadaan begini tidak perlu hidup bersusah-susah. Tuhan sudah menyediakan segala keperluan kehidupan kepada hamba-Nya yang bertuah. Pengaruh hidup masa lampau yang tidak perlu bersusah payah ini masih mempengaruhi jiwa dan sikap orang-orang Melayu yang belum sedar amat bahawa dunia lama sudah luput sejak abad ke-19. Dunia moden yang rancak dan kompleks memaksanya menyesuaikan diri, menyertai persaingan hidup, perlumbaan dan pembangunan bersama-sama bangsa asing yang lebih agresif tindak tanduknya dan materialistik sikapnya. Oleh itu sikap orang Melayu yang tak kesah dalam pembawaan hidupnya amat merugikan. Ini bermakna ia perlu masa yang lebih lama untuk menyediakan diri menerima perubahan. Tetapi masa tidak menanti orang Melayu.

Anak-anak Melayu memang tiap-tiap tahun sekarang berlumba-lumba untuk memasuki institusi pengajian tinggi atau universiti. Yang pentingnya ialah dapat masuk ke universiti sudah cukup, kerana semua orang dalam fikirannya harus menjelak tangga universiti. Mereka tidak kesah kursus apa yang diambil asalkan diberi peluang. Tidak ada perancangan atau usaha untuk mendapat maklumat awal tentang syarat-syarat kursus dan sama ada pengajian ini sesuai dengan kemahuan atau kelayakannya. Ramai bercita-cita menjadi doktor atau jurutera, tetapi asas-asas mata pelajaran dan kelayakannya lemah kerana enggan bertanya khabar dan mendapat nasihat bimbingan kerjaya di sekolah. Ramai pelajar-pelajar Melayu terdampar selepas tamat pengajian kerana tidak tahu apa kerja yang hendak dibuat. Soal kerjaya cuma hendak diputuskan selepas mendapat ijazah dan bergantung

kepada apa sahaja peluang kerja yang ada pada masa itu. Ini berbeza sekali dengan cara anak-anak bukan Melayu dan ibu bapa mereka merancang masa depan dan kerjaya, yang dibuat secara hemat dan tidak bergantung kepada nasib atau rezeki, tetapi dengan tekad terhadap usaha sendiri. Kesimpulannya, anak Melayu masuk universiti, tetapi tidak jelas apa yang hendak dibuat dengan kehidupannya apabila tamat.

Ramai anak Melayu mempunyai otak yang baik dan pintar. Mengikut Dr. Hassan Ahmad, Melayu mampu menjadi pemikir yang handal dalam apa bidang ilmu sekalipun kerana corak pemikiran lebih bersepadan atau holistik, satu sistesis menggunakan fungsi kedua-dua otak sebelah kanan dan kiri. Lihat juga nukilan yang indah yang membayangkan daya imaginasi dan pengamatan yang amat tinggi dan tepat mengenai fenomena alam dalam gurindam klasik di bawah ini:

Tengah malam sudah terlampaui  
Dinihari belum lagi tampak  
Budak-budak dua kali jaga  
Orang muda pulang bertandang  
Orang tua berkalah tidur  
Embun jantan rintik-rintik  
Berbunyi kuang jauh ka-tengah  
Sering lanting riang di rimba  
Melenguh lembu di padang  
Sambut menguak kerbau di kandang  
Berkokok mandung, merak mengigal  
Fajar sedang menyingsing naik  
Kicak-kicau bunyi murai  
Taptibau melambung tinggi  
Berkokok balam di ujung bendul  
Terdengar puyuh panjang bunyi  
Puntung sezengkal tinggal sejari  
Itulah alamat hari nak siang.

Tegasnya otak dan pemikiran dan kebolehan Melayu tidak kurang dengan bangsa mana sekalipun. Tetapi yang lemah bagi Melayu ialah ketidakrelaannya untuk menghela potensi dan kebolehannya kepada tahap optimum atau termungkin. Anak-anak Melayu yang mempunyai potensi 80% akan sudah berpuas hati dengan cuma berusaha dan mencapai prestasi 60%. Tidak ada niat atau perasaan bangga untuk bekerja ke taraf sut potensinya bagi mencapai kemajuan tinggi. Sikap seperti ini membantu kebolehan sendiri dan menidakkannya prestasi kecemerlangan.

Dalam pada itu, ini tidak bermakna pelajar-pelajar Melayu ini tidak mahu mencapai kejayaan akademik. Tetapi tahap kemahuannya itu rendah, sepatih kata ungkapan sial yang selalu di bibir mereka: *cukup makan jadilah*. Yang lebih penting diutamakan ialah bagaimana mencurah sedikit usaha yang ringkas dan mendapat untung yang banyak. Kata Dato Dr. Mazlan Othman, Pengarah AAN:

*Orang Melayu suka mencari jalan mudah dan mengharapkan ganjaran atau insentif dalam bentuk kewangan. Sedangkan ganjaran yang utama yang lebih penting ialah memperkayakan diri sendiri, minda dan jiwa dengan ilmu.*

Selain daripada itu kerana inginkan kejayaan dengan tidak banyak usaha dan kudrat, ramai pelajar-pelajar meminjam nota-nota rakan, mencedok karangan orang lain, atau lebih buruk lagi meniru dalam dewan peperiksaan. Dalam peperiksaan umum, mengikut pengalaman saya, dukacita saya sebut banyak kes tiru dan penipuan melibatkan anak-anak Melayu sendiri.

Sikap ambil senang ini sebahagiannya dibajai oleh kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan yang diberi oleh kerajaan untuk memperluaskan peluang Melayu dalam pendidikan dan pekerjaan. Ada banyaknya biasiswa untuk membantu anak-anak miskin, kemudahan-kemudahan persekolahan berasrama dan kuota-kuota untuk jawatan kerajaan dan lain-lain telah membawa banyak manfaat dan kemajuan kepada orang Melayu. Tetapi natijah buruknya ialah timbulnya sikap bahawa anak-anak Melayu tidak perlu bekerja terlalu kuat atau mendapat gred terlalu tinggi untuk melayakkan mereka mendapat tempat atau pekerjaan kerana kerajaan akan terus menyediakan “*tongkat sakti*” kepada mereka bila-bila masa sahaja.

### **Ketiadaan Ketegasan Dalam Apa-Apa Tugasan atau Cita-Cita**

Orang Melayu tidak suka terikat dengan peraturan-peraturan yang ketat. Biasanya mereka tidak mahu membuat keputusan-keputusan yang berat dan muktamad, dan kalau dibuat pun akan cuba melepas diri dari komitmen. Kelemahan orang Melayu dalam ketegasan dan pegangan hidup atau mencari “*dalah*” tidak mahu buat keputusan ini disebut *ondor rarat* oleh orang Melayu Sarawak. Dato’ Abang Yusuf Puteh membuat satu contoh sikap dengan sebuah perahu yang berlabuh di dalam sungai yang deras; dioleng terumbang-ambing, meronta, berpusu-pusu; kemudian

oleh sebab tali sauh tak kemas diikat dan awak-awak tertidur talinya terungkai apabila dihumban arus kuat, maka perahu pun bebas dan hanyut.

Manusia Melayu tidak dapat bertahan lama menegak cita-citanya atau prinsipnya kerana lambat laun tekanan atau godaan keuntungan segera akan menyebabkan ia berkompromi. Dalam pendidikan, anak Melayu senang menyerah walaupun sebelum berusaha mengatasinya. Pepatah yang mengajarnya, “*Pegang bara api biar sampai jadi arang*” atau “*Alang-alang seluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan*”, tidak menampakkan pengaruh yang besar. Sifat semulajadi manusia Melayu yang berjiwa amat perasa, sensitif dan penuh emosi senang menyebabkan mereka patah hati dan merajuk. Lagu-lagu Melayu, seperti *Patah Hati*, *Seri Mahligai* dan *Seri Sarawak* banyak mendayu-dayukan kekecewaan harapan – “*Hajat hati nak peluk gunung, apakah daya tangan tak sampai*”.

Tegasnya, kekalahan Melayu dalam apa jua pertandingan, dan ini termasuk dalam bidang pelajaran, bukan kerana otaknya kurang cerdas atau lemah kudrat, tetapi kerana semangat juangnya rendah dan tak yakin menongkah arus. Demikianlah kita lihat kegagalan atlit-atlit Melayu mengekalkan prestasi selepas mencapai kejuaraan. Mereka tidak sanggup bertahan lama, senang putus asa dan rela menyerah apabila corak permainan tidak menyebelahi mereka. Jarang dapat mereka menyerang balas dengan tidak mahu mengalah sehingga ke saat penghabisan.

### **Pengaruh Nilai Islam yang Disalah Tafsir**

Agama Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling besar terhadap konsep-konsep nilai dan tatasusila Melayu. Yang menjadi masalah bukannya agama yang suci yang dibawa ke Kepulauan Melayu sejak abad ke-13 lagi, tetapi tafsiran tentang ajaran-ajarannya. Sebahagian daripada masalah timbul dari saki-baki atau campur aduk pengaruh kepercayaan lama seperti Hinduisme, animisme dan juga adat.

Salah satu bidang yang terpenting yang menjadi ciri sikap hidup orang Melayu dan mempengaruhi keseluruhan konsep nilainya ialah kebergantungan kepada takdir. Dengan demikian orang Melayu Islam dengan rela menerima segala yang baik dan buruk dengan sabar berdasarkan tafsiran sempit mengenai konsep *Qada* dan *Qadar*. Terlupa oleh mereka bahawa Tuhan telah menganugerahkan akal dan kudrat supaya mereka dapat memperbaiki diri dan prestasi kerja mereka

sendiri. Allah sendiri telah berjanji bahawa Allah tidak akan mengubah nasib umat (atau seseorang) itu melainkan orang ini atau umat itu mengubah nasibnya. Soal dan masalah kekeliruan dan tafsiran tidak tepat bagi konsep takdir ini telah dikupas dengan panjang lebar oleh Pak Za'ba pada 1920-an lagi.

Kesalahan memberi tafsiran yang sebenar melahirkan kepercayaan dan sikap negatif seperti “*Rezeki secupak tidak akan menjadi segantang*”. Setiap habuan atau prestasinya yang buruk dengan mudah diberi alasan : “*Sudah suratan*”, “*Tak ada rezeki*”, atau “*Nasib memang setakat itu sahaja*”, dan di dalam bidang pelajaran ini melemahkan usaha kuat dan inisiatif untuk percubaan-percubaan serta pembaharuan menerusi minda ingin tahu yang sangat penting dalam pertumbuhan ilmu sains. Selain daripada ini, ajaran agama yang membataskan diri kepada ritual semata-mata dan tidak memberatkan ilmu dunia seperti sains dan teknologi yang sama penting untuk hidup sempurna tidak pula menggalakkan soal menyoal – semua harus diterima secara bulat-bulat oleh murid. Pemikiran tertutup atau kurang terbuka ini adalah punca orang-orang Islam amnya ketinggalan dalam ilmu pengetahuan dan dalam kemajuan kehidupan moden. Pengaruh kaedah ini terbawa juga dalam pembelajaran sekolah biasa. Murid-murid Melayu memang pemalu, pendiam orangnya tidak mahu menonjol diri dan lebih suka memendam fikiran dan pendapatnya dari mengeluarkannya di hadapan khalayak ramai. Sebab utamanya kerana malu atau takut orang memandangnya bodoh dan kerana ia “*segan*” dan terlalu hormat kepada gurunya. Oleh itu anak-anak Melayu jarang menyoal guru atau betul-betul aktif dalam darjah mereka. Mereka memeram pendapat-pendapat yang bernas untuk diri sendiri dan melepas peluang berkongsi pandangan, menguji dan berdebat bagi mendapat kesahihan atau menambah nilai pendapat-pendapat itu. Adalah satu ironi yang malang dan merugikan, iaitu orang Melayu tidak dapat menyerap tradisi kesarjanaan dan ilmu yang tinggi yang diwarisi dari Islam. Warisan ilmu sains dan teknologi yang kaya ini gagal merangsang untuk mengembangkan ufuk pemikiran keintelektualan mereka, dan tidak juga memangkinkan daya ingin tahu untuk memecahkan keajaiban atau rahsia ilmu seperti yang dicontohi sarjana-sarjana besar di zaman *Renaissance* Islam di Cardova atau Baghdad.

## **Nilai Pelajaran Dalam Keluarga Melayu**

Apakah nilai-nilai yang terjelma dalam rumah atau keluarga Melayu yang boleh menjadi faktor membantu atau menghalang proses pembelajaran anak-anak Melayu?

Kemiskinan, dan kepincangan hidup tidak memberi suasana galakan yang sesuai bagi anak-anak Melayu di rumah. Sebab itu, boleh jadi sekolah berasrama penuh begitu berjasa sekali sebagai institusi pemupukan potensi anak Melayu.

Amnya pada zaman dahulu, ibu bapa menghantar anak ke sekolah tetapi tidak mempunyai apa-apa perancangan tertentu atau cita-cita untuk anaknya. Pesanan kepada guru yang bunyinya “*Buatlah apa pun, jangan capik atau buta sudah*” membayangkan penyerahan total si ayah kepada kebijaksanaan sekolah mencorak masa depan dan nasib anaknya. Sikap serah anak belajar tetapi tidak kesah atau tidak mengambil berat tentang keperihalan kemajuan atau masalah pelajaran ini masih terdapat sehingga hari ini. Di dalam rumah, tidak ada bilik khas untuk belajar, tidak ada kumpulan-kumpulan buku tersimpan yang boleh disebut kutubkhanah rumah, ibu yang tidak tinggi pelajarannya sibuk menoreh di kebun getah atau menjaga anak-anak lain yang ramai di rumah. Oleh sebab senario seperti inilah, maka Barnes dalam tahun 1951 lagi memberi tumpuan besar kepada soal perdu, iaitu di rumah sebagai strategi memperbaiki kemampuan belajar (*educability*) anak-anak Melayu. Pemusatan kepada rumah tangga adalah punca dan pusat kepada soal *educability* itu dan kemampuan anak dalam mengikuti pelajaran mencerminkan baik buruk keadaan rumah tangga yang menghasilkannya.

Yang merupakan faktor manusia yang sangat penting bagi memajukan pelajaran Melayu ialah ibu yang terlatih dan terpelajar. Rumah tangga yang kucar-kacir dan ibu yang tidak berpelajaran telah menyebabkan pemeliharaan anak-anak tidak sihat, berpenyakit serta juga menyebabkan kadar kematian bayi yang tinggi, dan seterusnya kemalapan otak.

Apakah sebabnya anak-anak Melayu sewaktu memasuki *Special Malay Class*, cergas dan cerdik tetapi apabila meningkat darjah enam di sekolah Inggeris setahun demi setahun terkandas, merosot prestasi dan berkurangan? Barnes berpendapat bahawa ini disebabkan oleh saki-baki kelemahan (disebut *residual incapacity*) yang berakar umbi di rumah tangga yang daif itu dahulu.

Untuk merawati kelemahan-kelemahan ini, Barnes mencadangkan langkah-langkah yang drastik untuk membanteras unsur-unsur yang menyekat atau melemahkan daya belajar anak-anak Melayu. Memperbaiki suasana rumah tangga dan alam keliling anak-anak menjadi tumpuan terpenting. Maka itu, terdapat soal-soal yang memberatkan latihan dan asuhan rumah tangga dan pelajaran bagi kaum wanita dalam cabang-cabang penghususan yang dapat memberi manfaat kepada sekolah dan rumah tangga.

Banyak juga daripada soal-soal yang menjadi prihatin Barnes lebih-lebih lagi dalam bidang prasarana sudah diselesaikan oleh masa dan perubahan serta kemajuan yang dicapai sejak 50 tahun yang lalu. Hampir 100% ibu bapa Melayu generasi muda adalah celik huruf; sebahagian besar ibu Melayu sudah menjelaki sekolah menengah dan ramai sudah ke universiti. Masalah baru yang agak unik sekarang akibat kemajuan yang dicapai ialah ibu dan bapa lebih-lebih lagi di bandar, kedua-duanya bekerja. Anak-anak Melayu yang tidak tinggal di asrama sebetulnya terbiasa di rumah tak terawas atau dikawal oleh ibu bapa yang sibuk. Mereka menerima asuhan dan tunjuk ajar cuma dari orang dewasa yang ada di rumah – orang gaji Indonesia. Pengaruh datuk atau nenek atau emak saudara yang tinggal bersama di zaman lampau dalam keluarga besar tidak lagi wujud. Ketiadaan mereka untuk menegur dan melarang anak-anak di masa kritikal membesar mempunyai impak yang besar pada psikologi anak-anak.

Tidak syak lagi, baik di zaman susah maupun di zaman mewah sekarang, kelemahan besar orang Melayu berpokok pangkal pada asuhan (atau salah asuhan?) anak-anaknya di rumah dan dalam keluarga. Zaman telah berubah tetapi sikap dan semangat ibu bapa belum banyak berubah – perubahan bentuk, bukan isi. Amnya kanak-kanak Melayu amat sangat dimanjakan, dilatih tabiat memboros dari sekolah lagi. Soal jimat cermat dan menabung untuk masa depan tidak ditekankan. Ibu bapa sendiri tidak menabung untuk keperluan pembiayaan pelajaran masa depan anaknya seperti kaum Cina atau India. Juga tidak diasuh untuk menganggap bahawa membuat satu-satu kerja, apa juga kerja yang halal, adalah mulia, dan menganggur itu hina. Sebarang tugas mestilah diusahakan dengan sungguh-sungguh supaya hasilnya memuaskan majikan atau pelanggan, tetapi lebih penting ialah memuaskan pada diri sendiri. Ibu bapa kurang tegur-larang kesalahan atau salah laku anak-

anak, takut anak-anak tak sayangnya nanti. Sebetulnya kalau dulu anak-anak takut ibu bapa, sekarang ibu bapa pula yang takut pada anak – takut lari atau merajuk. Pendek kata, soal disiplin amat tipis dikenakan ke atas anak-anak Melayu amnya, sesuai dengan contoh tauladan songsang dari rancangan Barat yang dipaparkan di televisyen tiap hari. Ibu bapa sendiri tidak dapat memberi contoh tauladan yang baik yang dapat dijadikan *role model* kepada anak-anak.

Jarang ibu bapa Melayu secara sedar menanam sifat keyakinan diri atau meniup semangat atau perangsang supaya mereka beraspirasi tinggi. Galakan ibu bapa dan ajaran-ajaran mereka amat mujarab kepada jiwa anak muda. Saya sekadar mengambil contoh dari saranan ayah saya, seorang guru Melayu lepasan Kolej Tua Perguruan Melaka (1920), katanya “*Kalau seorang bapa itu diibaratkan pokok pinang, anaknya mestilah jadi pokok nibung dan cucunya pula mestilah menjadi pokok kelapa*”. Seruan yang dibuat semasa umur saya 10 tahun supaya tiap generasi bertanggungjawab mempertingkat lagi martabat dan kualiti hidup generasi sebelumnya menjadi pedoman dan inspirasi kepada saya sepanjang hayat.

Seperkara lagi, ibu bapa Melayu tidak menunjukkan bahawa keluarga dan rangkaian keluarga amat penting. Pada anak-anak, keluarga yang besar dan rapat memperkuuhkeyakinan diri. Orang Melayu tidak ada sistem marga seperti orang Mandailing, Cina atau Arab, dan ini menyebabkan lebih sukar mengenali saudara mara. Maka itu, lebih pentinglah bagi ibu bapa memberi tahu anak tentang salasilah dan susur galur sanak saudaranya. Cerita-cerita mengenai kepandaian, perwatakan serta suka duka datuk nenek, cita-cita dan impian bapa saudara akan menimbulkan kebanggaan dan perasaan kekitaan dan warisan. Minat sukakan sejarah masyarakat dan bangsa berpunca dari minat mengetahui asal usul keluarga dan ini boleh dipupuk dari kecil lagi oleh ibu bapa.

## **Kesimpulan**

Dalam kertas ini saya cuba membuat urutan menjelak langkah sejak zaman awal, sikap pandangan dan falsafah orang Melayu mengenai ilmu pengetahuan dengan andaian ianya memberi petunjuk-petunjuk kepada kita akan nilai-nilai Melayu dalam pendidikan, ilmu dan kepandaian. Saya juga mengenal pasti mercu-mercu tanda yang terpenting dalam perkembangan pelajaran orang Melayu untuk melihat

masalah dengan latar kanvas yang lebih besar serta mengamati bagaimana orang Melayu memberi responsnya kepada perkembangan, cabaran serta peluang-peluang pada masa itu. Pandangan tokoh-tokoh pejuang seperti Za'ba, Barnes dan Dr. Mahathir Mohamad diutarakan untuk mengingatkan kita bahawa persoalan-persoalan ini bukannya baru tetapi usaha-usaha rawatan sudah lama dicadang dan sebahagian dilaksanakan. Dari nilai-nilai utama yang dikenal pasti, kita cuba membuat sedikit kupasan untuk melihat setakat mana nilai-nilai ini menjadi pendorong atau sebaliknya menjadi hambatan atau batu penghalang kepada daya pembelajaran dan kemajuan anak Melayu dalam pendidikan. Proses mengenal pasti punca-punca kelemahan ini selalunya menyedih dan tidak menyenangkan hati.

Beberapa intipati kesimpulan dapat dibuat :

- (i) Orang Melayu belum mempunyai tradisi keilmuan yang begitu lama dan banyak daripada masalah yang dihadapi dalam pendidikan sekular moden sekarang adalah akibat sistem hidup lama seperti feudalisme, adat dan kepercayaan karut dan salah tafsir yang masih bersarang dalam jiwa dan mindanya.
- (ii) Masyarakat Melayu lama memperlihatkan dua aliran pendidikan, satu berbentuk elitis untuk kaum bangsawan dan satu lagi bercorak bukan formal bertujuan vokasional semata-mata bagi rakyat jelata. Tradisi pelajaran agama Islam sudah berada lebih awal daripada pendidikan sekular. Sekolah Melayu dan guru Melayu memainkan peranan yang amat penting sebagai agen pembudayaan Barat terhadap masyarakat Melayu.
- (iii) Orang Melayu mempunyai otak dan minda yang kecerdasannya tidak kurang dengan bangsa mana-mana pun. Mereka tahu menghargai ilmu pengetahuan tetapi mereka tidak bersungguh-sungguh dalam usaha menguasainya. Sikap yang kurang tegas memburu cita-cita dan selalu mencari jalan pintas bagi kejayaan menyebabkan mereka sukar mencapai kecemerlangan.

- (iv) Dasar Pendidikan Razak yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai pengantar di semua peringkat persekolahan sambil mengilik bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua adalah dasar yang betul dan wajar. Ramai anak Melayu mendapat faedahnya, lebih-lebih lagi selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang berjaya mengimbangi hak dan peluang anak-anak bumiputera bagi pendidikan berkualiti dan pengajian tinggi.
- (v) Di antara nilai yang menjadi punca masalah kepada pelajaran orang Melayu saya rasa ada empat yang paling serius, iaitu *asuhan ibu bapa di rumah, sikap tak kesah, penyalahafsiran ajaran Islam* dan *konsep masa orang Melayu* – semuanya perlu perubahan secara drastik. Jika orang Melayu mahu lebih maju dalam ilmu pengetahuan, berdaya saing merebut peluang dan kekayaan dalam negara ketuanannya, mereka wajib secara sedar membuat pertukaran paradigma dalam beberapa nilai budayanya yang menyekat kemaraan mereka.
- (vi) Kelemahan besar orang Melayu terletak pada sistem asuhan dan pembesaran anak yang tidak kemas dan teratur. Asuhan yang baik, terarah, berdisiplin dan mesra, bersama dengan ajaran mulia dan semangat dinamik Islam yang sebenar, akan dapat menjanakan tenaga yang besar untuk menyemarakkan ilmu pengetahuan di kalangan Melayu Islam. Ini akan membantu melahirkan generasi *Melayu Baru* yang digagasi Wawasan 2020 – iaitu suatu angkatan Budiman Baru yang ditambah nilai, berilmu pengetahuan, menguasai bahasa Melayunya dan bahasa-bahasa besar dunia, berorientasikan sains, berfikiran global tetapi berhati perut nasional serta tinggi susila dan kuat kepada agama.

Akhir sekali saya kira orang Melayu harus bersyukur kerana mereka telah mencapai begitu banyak kemajuan dan kejayaan, khasnya menerusi peluang-

peluang pendidikan semenjak 50 tahun yang lepas. Ini dicapai walaupun mereka tidak mempunyai tradisi keilmuan yang lama dan mantap; maknanya mereka sanggup dan boleh mencapai satu prestasi baik walaupun parasnya dan keramaianya belum begitu memuaskan lagi. Orang Melayu harus belajar banyak bermuhasabah, seperkara yang mereka enggan melakukan biasanya, untuk memeriksa diri, kekuatan dan kelemahan sendiri. Jika mereka jujur, mereka akan dapati bahawa banyak masalah yang mereka hadapi adalah kelemahan diri sendiri serta sikap dan nilai budaya yang salah.

Kepada ramai pihak yang memang berniat baik dan ikhlas untuk memperbaiki kelemahan Melayu dalam pendidikan, mereka juga harus berusaha secara berpada-pada untuk tidak cepat kecewa. Yang penting bagi pejuang-pejuang *agenda Melayu* ini ialah mengetahui setakat mana had-had orang Melayu dapat menyahut cabaran, setakat mana mereka dapat membuat penyesuaian untuk perubahan-perubahan yang diajukan tanpa dibingungkan oleh terlalu banyak seruan dan gesaan dari pelbagai sudut yang akhirnya boleh menghakis jati diri Melayu sendiri. Kekalahan akan menyebabkan mereka merajuk dan menyorot balik ke dunia lamanya bersama kumpulan atau amalan yang memang mereka kenal lama dan selesa dengan mereka.

Oleh itu, dalam menangani pembaharuan yang melibatkan perubahan sikap, budaya dan nilai hidup orang Melayu, kita terpaksa banyak bersabar. Orang Melayu tidak suka dipaksa-paksa dan memang mereka satu kaum yang konservatif. Juga harus diingat, sistem pendidikan mengambil proses yang lama untuk dipupuk dan amat senang rosak jika terlalu banyak tangan yang mahu selalu mengubah-ubah. Sistem nilai yang baik dan mulia mengambil masa untuk tumbuh, yang buruk pula memerlukan masa lama membasminya. Satu pendekatan yang seimbang harus dicari yang dapat menyelesaikan kedua belah tuntutan dengan bijak. Saya kira dasar *segera tetapi berhemat* adalah tepat dan sesuai sebagai panduan bagi sebarang usaha besar membimbing orang Melayu menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

## Rujukan

- Abang Yusuf Puteh. 1996. *The Malay Mind*. Kuching: Shorba Publications.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Malay Humour*. Kuching: Shorba Publications.
- Abd. Rahman Al-Ahmadi (ed.). 1994. *Syair Siti Zubaidah Perang China; Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: PNM.
- Adnan Hj. Awang. 1998. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publication.
- Aminuddin Baki (Pengerusi). 1960. *Penyata Jawatankuasa Menyiasat Keputusan Masuk Sekolah Menengah Bagi Murid-murid Sekolah Kebangsaan Kementerian Pendidikan* (tidak diterbitkan).
- Asrul Zamani. 2002. *The Malay Ideals*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Bakri Musa, M. 1999. *An Education System Worthily of Malaysia*. Kuala Lumpur: Strategic Information Research.
- \_\_\_\_\_. 1999. *The Malay Dialect Revisited*. Merantau: Gilvoy USA.
- Just Faaland, Parkinson, Rais Saniman. 2003. *Growth and Ethnic Inequality; Malaysia's New Economic Policy*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Kamarudin Jaffar (ed.). 1993. *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Rancangan Malaysia ke-4 Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru selepas 10 tahun*. Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 1999. *The Malay Dialect Revisited*. Merantau: Gilvoy USA.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mukhriz Mahathir (ed.). 2003. *Malaysia's New Economic Policy: An Overview*. Utusan Pub.
- Murad Md Noor (Pengerusi). 1973. *Kajian Keciciran (Dropout Report)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Omar Md Hashim. 1999. *Pengisian Misi Pendidikan*, edisi 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Sri Lanang. 1950. *Sejarah Melayu*. Singapore: Malaya Publishing House.